



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# KAJIAN WATAK-WATAK WANITA DALAM KUMPULAN CERPEN '*AM'MĀVUKKU*' BERDASARKAN TEORI SUBALTERN

VINESH RAJ A/L SELVARAJ



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KAJIAN WATAK-WATAK WANITA DALAM KUMPULAN CERPEN  
'AM'MĀVUKKU' BERDASARKAN TEORI SUBALTERN

VINESH RAJ A/L SELVARAJ



DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





Sila tanda (✓)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

|  |
|--|
|  |
|  |
|  |
|  |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

#### i. Perakuan pelajar :

Saya, \_\_\_\_\_ (SILA  
NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa  
disertasi/tesis yang bertajuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana  
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi  
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula  
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan  
dengan sejasasnya dan secukupnya

\_\_\_\_\_  
Tandatangan pelajar

#### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, \_\_\_\_\_ (NAMA PENYELIA) dengan ini  
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut  
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah  
\_\_\_\_\_  
(SILA NYATAKAN NAMA  
IJAZAH).

\_\_\_\_\_  
Tarikh

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: \_\_\_\_\_

No. Matrik /Matric's No.: \_\_\_\_\_

Saya / I : \_\_\_\_\_

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick ( ✓ ) for category below:-*

☐

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*



## PENGHARGAAN

Salam sejahtera,

Saya bersyukur kepada Tuhan yang maha mulia kerana limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tesis peringkat sarjana ini dengan jayanya. Dalam usaha menyiapkan dan melengkapkan cadangan penyelidikan ini juga, saya telah banyak berhutang budi kepada beberapa pihak yang membantu saya. Pertama sekali, sekalung penghargaan kepada Dr.Manonmani Devi M.A.R Annamalai, penyelia utama yang menyelia penulisan tesis ini. Beliau telah banyak memberi nasihat, bimbingan, tunjuk ajar, kritikan, ketabahan serta cadangan yang membina terhadap kajian ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan beliau amat dihargai dan nasihat yang diberikan oleh beliau juga membakar semangat untuk menyiapkan tesis ini walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada isteri saya dan ahli keluarga saya yang selalu memberi dorongan dan sokongan moral dalam penghasilan tesis ini. Selain itu, saya juga banyak berhutang budi kepada semua pihak yang telah menjalurkan bantuan secara langsung dan tidak langsung serta menjadi dorongan dan daya penggerak bagi diri saya sehingga membantu menyempurnakan tesis ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kedudukan watak-watak wanita dalam sistem patriarki kekeluargaan berdasarkan teori subaltern yang diutarakan oleh Gayathri Spivak. Mengikut teori tersebut, dalam konteks kajian terhadap wanita-wanita yang tertindas oleh golongan lelaki dalam patriarki kekeluargaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara deskriptif berdasarkan analisis dokumen iaitu, teks cerpen 'Am'māvukku'. Pemilihan cerpen 'Am'māvukku' berdasarkan kepada teks cerpen yang lengkap dan ia memberi fokus kepada wanita Subaltern. Data diperoleh dianalisis secara analisis tematik melalui pembacaan dan penelitian bahan kajian, pemilihan data teks cerpen mengikut watak-watak wanita dalam sistem patriarki kekeluargaan, menyusun dan membuat rumusan. Setiap sembilan cerpen yang dikaji mengandungi watak-watak wanita yang berbeza penindasan terhadap dirinya. Sebagai contohnya dalam cerpen 1, Kālam Kaṭanta Pin isteri dianggap sebagai orang gaji oleh suaminya manakala dalam cerpen 4, Am'māvukku pula isteri tidak diberi hak kesamarataan dalam keluarga oleh suaminya. Berdasarkan hasil kajian mendapati tiga tema, iaitu wanita sebagai seorang ibu, isteri dan anak. Dapatan kajian menunjukkan kedudukan watak-watak wanita tersebut dalam patriarki kekeluargaan. Hasil kajian mendapati bahawa wanita subaltern bereaksi terhadap kekuasaan lelaki dengan mendiamkan diri dan menjadi seorang yang penyabar serta memendamkan perasaan dalam diri sendiri. Seterusnya, hasil kajian juga mendapati kewujudan wanita Subaltern dalam kebanyakan institusi keluarga dan berfungsi sebagai wahana pembangunan insan dalam membentuk manusia yang prihatin terhadap kemahuan dan keperluan seseorang wanita. Kesimpulannya, kajian ini mendapati tindakbalas wanita yang ditindas oleh golongan lelaki dalam kehidupan seharian mereka merupakan reaksi terhadap ketidakpuasan dalam kehidupan mereka. Perubahan hanya akan berlaku jika wanita-wanita tersebut membuat keputusan untuk berani bertindak balas terhadap penindasan terhadap dirinya. Implikasinya, hasil kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan kepada masyarakat terutamanya kepada golongan wanita untuk menyedari dan memainkan peranan dalam sesebuah institusi kekeluargaan.





## THE STUDY OF WOMEN'S CHARACTERISTICS IN 'AM'MĀVUKKU' SHORT STORIES BASED ON SUBALTERN THEORY

### ABSTRACT

This study aimed to identify the position of female characters in the family patriarchal system based on Subaltern theory put forward by Gayathri Spivak. According to the theory, in the context of the study, the oppressed women by men in the family patriarchy have their own reaction. This study was a descriptive qualitative approach based on document analysis that was the analysis of the short stories 'Am'māvukku'. The selection of the short stories 'Am'māvukku' was based on the complete short story texts and it focused on the subaltern women. Data were obtained and analyzed thematically through reading and research of the study materials. The selection of the short stories was focused on the female characters in the family patriarchy system. Each of the nine short stories surveyed contained different female characters who were oppressed by the patriarch system. For example in short story 1, Kālam Kaṭanta Piṇ was considered as a maid by her husband while in short story 4, Am'māvukku, the wife was not given equal rights in the family by her husband. Based on the results of the study, three themes, namely women as a mother, a wife and a child. The main finding showed the varied positions of the female characters in a family patriarchy. The results also found that subaltern women reacted to male power by silence and they were patient as well as they soaked up the feelings in themselves. Subsequently, the findings also found that the existence of Subaltern women in many family institutions and they resisted the oppression and they focused on the needs of the women. In conclusion, this study found that the reaction of women who were oppressed by men in their daily lives was a reaction to the dissatisfaction in their lives. Changes would only happen if those women decided to respond bravely to such oppression against themselves. The implication of this study is that these short stories can be a source of reference for society, especially for women to realize and play a active role in a family institution.



| <b>KANDUNGAN</b>                       | <b>MUKA SURAT</b> |
|----------------------------------------|-------------------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>     | ii                |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b> | iii               |
| <b>PENGHARGAAN</b>                     | iv                |
| <b>ABSTRAK</b>                         | v                 |
| <b>ABSTRACT</b>                        | vi                |
| <b>KANDUNGAN</b>                       | viii              |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                   | x                 |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                  | xi                |
| <b>TRANSLITERASI</b>                   | xii               |
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>               |                   |
| 1.1 Pengenalan                         | 1                 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian              | 1                 |
| 1.3 Pernyataan Masalah                 | 6                 |
| 1.4 Objektif Kajian                    | 10                |
| 1.5 Soalan Kajian                      | 10                |
| 1.6 Kepentingan Kajian                 | 10                |
| 1.7 Batasan Kajian                     | 14                |
| 1.8 Definisi Operasional               | 16                |
| 1.8.1 Teori Subaltern                  | 16                |

|              |    |
|--------------|----|
| 1.8.2 Cerpen | 18 |
| 1.9 Rumusan  | 20 |

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

|                                             |    |
|---------------------------------------------|----|
| 2.1 Pengenalan                              | 21 |
| 2.2 Cerpen                                  | 21 |
| 2.2.1 Perkembangan Cerpen Tamil di Malaysia | 24 |
| 2.3 Kajian-Kajian lepas                     | 27 |
| 2.4 Kesimpulan                              | 34 |

## **BAB 3 METADOLOGI KAJIAN**

|                             |    |
|-----------------------------|----|
| 3.1 Pengenalan              | 37 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian      | 38 |
| 3.3 Kerangka Kajian         | 38 |
| 3.4 Kaedah Kajian           | 41 |
| 3.4.1 Kaedah Kepustakaan    | 41 |
| 3.5 Kaedah Pengumpulan Data | 42 |
| 3.6 Kaedah Analisis Data    | 43 |
| 3.6.1 Menganalisis Data     | 43 |
| 3.6.2 Pembahagian Data      | 44 |
| 3.7 Kerangka Teori          | 45 |
| 3.8 Teori Kajian            | 46 |
| 3.8.1 Teori Subaltern       | 46 |

|                |    |
|----------------|----|
| 3.9 Kesimpulan | 49 |
|----------------|----|

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|                |    |
|----------------|----|
| 4.0 Pengenalan | 51 |
|----------------|----|

|                                            |    |
|--------------------------------------------|----|
| 4.1 Latar Belakang dan Kepengarangan Saras | 52 |
|--------------------------------------------|----|

|                           |    |
|---------------------------|----|
| 4.1.1 Riwayat Hidup Saras | 53 |
|---------------------------|----|

|                                                                  |    |
|------------------------------------------------------------------|----|
| 4.1.2 Kedudukan Dan Sumbangan Dalam Dunia<br>Kesusasteraan Tamil | 54 |
|------------------------------------------------------------------|----|

|                                                                     |    |
|---------------------------------------------------------------------|----|
| 4.2 Wanita Subaltern Dalam Kumpulan<br>Cerpen ' <i>Am'māvukku</i> ' | 55 |
|---------------------------------------------------------------------|----|

|                                                                                                                             |    |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.3 Kedudukan watak wanita dalam sistem patriarki seperti yang<br>digambarkan oleh Saras dalam cerpen ' <i>Am'māvukku</i> ' | 58 |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|

|                                                                            |    |
|----------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.4 Cara wanita subaltern saras memberi reaksi kepada<br>kekuasaan lelaki. | 88 |
|----------------------------------------------------------------------------|----|

|                                                                                          |     |
|------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.5 Kejayaan watak wanita subaltern dalam cerpen Saras<br>menghancurkan kuasa Patriarki. | 106 |
|------------------------------------------------------------------------------------------|-----|

|                |     |
|----------------|-----|
| 4.6 Kesimpulan | 126 |
|----------------|-----|

## **BAB 5 PENUTUP**

|                |     |
|----------------|-----|
| 5.1 Pengenalan | 127 |
|----------------|-----|

|                  |     |
|------------------|-----|
| 5.2 Perbincangan | 127 |
|------------------|-----|

|                         |     |
|-------------------------|-----|
| 5.3 Kajian masa hadapan | 142 |
|-------------------------|-----|

|                |     |
|----------------|-----|
| 5.4 Kesimpulan | 144 |
|----------------|-----|

|                    |     |
|--------------------|-----|
| <b>BIBLIOGRAFI</b> | 147 |
|--------------------|-----|



## SENARAI RAJAH

### No. Rajah

### Muka Surat

3.1 Kerangka kajian

40

3.2 Kerangka teori

45



## SENARAI JADUAL

| No.Jadual                                                                    | Muka Surat |
|------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 4.1 Watak-watak Wanita dalam Kumpulan Cerpen ‘Am’māvukku’                    | 56         |
| 4.2 Watak wanita Subaltern mengikut kategori                                 | 57         |
| 4.3 Aspek-Aspek Yang Dinilai Dalam Kedudukan Wanita Sebagai Seorang Isteri   | 59         |
| 4.4 Cerpen yang telah dikaji dalam Aspek 1                                   | 59         |
| 4.5 Cerpen yang telah dikaji dalam Aspek 2                                   | 63         |
| 4.6 Cerpen yang telah dikaji dalam Aspek 3                                   | 68         |
| 4.7 Cerpen yang telah dikaji dalam Aspek 4                                   | 71         |
| 4.8 Cerpen yang telah dikaji dalam Aspek 5                                   | 73         |
| 4.9 Cerpen yang telah dikaji dalam aspek wanita sebagai seorang ibu          | 77         |
| 4.10 Cerpen yang telah dikaji dalam aspek wanita sebagai seorang anak        | 86         |
| 4.11 Kriteria kejayaan yang dinilai dalam watak-watak subaltern Cerpen Saras | 109        |



## SENARAI FONEM TAMIL DENGAN BENTUK GRAFEM

### LIST OF TAMIL PHONEMES WITH THEIR CORRESPONDING GRAPHEMES

#### i. Abjad bahasa Tamil

| Vokal |    | Konsonan |   |
|-------|----|----------|---|
| அ     | A  | க        | K |
| ஆ     | ā  | ச        | C |
| இ     | i  | ட        | t |
| ஈ     | ī  | த        | T |
| உ     | u  | ப        | P |
| ஊ     | ū  | ற        | r |
| எ     | e  | ங        | ñ |
| ஏ     | ē  | ஞ        | Ñ |
| ஐ     | ai | ண்       | ṇ |
| ஓ     | o  | ந்       | N |
| ஔ     | ō  | ம்       | M |
| ஐள    | Au | ன்       | ṇ |
|       |    | ய்       | Y |
|       |    | ர்       | R |
|       |    | ல்       | L |
|       |    | வ்       | V |
|       |    | ள்       | l |
|       |    | ழ்       | ḷ |

#### ii. Abjad bahasa Sanskrit

| Abjad Sanskrit |     |
|----------------|-----|
| ஸ              | S   |
| ஜ்             | J   |
| ஹ்             | H   |
| ஷ்             | ṣ   |
| ஸ்ரீ           | Śrī |





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan



Dalam bab pertama, pengkaji akan memberi maklumat-maklumat yang penting bagi kajian yang bertajuk Menelusuri Watak-watak Wanita Dalam Kumpulan Cerpen '*Am'māvukku*' Menerusi Kajian Subaltern. '*Am'māvukku*' merupakan sebuah kumpulan cerpen hasil karya Saras pada tahun 2015. Buku ini mengandungi sebanyak 10 buah cerpen. Kesemua cerpen ini dituliskan berasaskan tema-tema yang berkaitan dengan kehidupan seorang wanita dalam menghadapi cabaran kehidupannya. Kajian ini mengandungi objektif kajian, soalan kajian, kerangka teori kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian yang merangkumi kajian subaltern dalam kumpulan cerpen '*Am'māvukku*' hasil karya Saras.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Karya kesusasteraan merupakan satu cara penyampaian oleh penulis kepada masyarakat mengenai sesuatu hal, nilai dan pendapat. Karya kesusasteraan dicipta dalam pelbagai bentuk seperti cerita, cerpen, novel dan sebagainya. Karya-karya kesusasteraan ini sebenarnya mempunyai hubungan yang rapat dengan sesebuah kelompok masyarakat. Selalunya, pengkarya akan mencipta karyanya mengikut kesesuaian dan nilai masyarakat di sekelilingnya supaya mesej yang hendak disampaikan dapat diperolehi oleh masyarakat. Maka, sastera merupakan suatu unsur yang menunjukkan kisah manusia secara teratur seperti yang dinyatakan oleh Jesuthas (2010).



Sajak, novel, cerpen dan drama dikategorikan sebagai kesusasteraan moden dalam dunia kesusasteraan Tamil. Sajak dianggap sebagai salah satu kesusasteraan yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat India dimana, sajak diguna pakai untuk menjelaskan pelbagai perkara yang penting seperti keindahan, pengalaman, kegembiraan dan sebagainya. Seterusnya, novel dikatakan lahir di Italia dengan nama '*Novella*' pada asasnya. Ia juga telah berkembang secara ansur dalam kesusasteraan Tamil. Novel-novel Tamil ini juga kemudiannya dikeluarkan berdasarkan pelbagai tema dan plot. Seterusnya, drama merupakan salah satu unsur penting dalam kesusasteraan Tamil dimana ia telah membantu untuk menceritakan hikayat-hikayat seperti Ramayana dan Mahabharata kepada masyarakat. Seterusnya, cerpen telah memainkan peranan yang penting dalam kesusasteraan Tamil dimana ia telah membolehkan penulis untuk memberi fokus terhadap satu tema dan mengkaryakan hasil mereka secara padat.





Menurut Pichaimuthu (1998), cerpen harus berteraskan kepada satu tema sahaja. Cerpen perlu dirangka mengikut had-had tertentu supaya pembaca berpuas hati dengan penerangan yang diberikan. Kejayaan sesuatu cerpen terletak pada perkembangan jalan cerita oleh penulis. Menurut beliau lagi, persembahan seni yang menarik dan sempurna dari semua aspek dianggap sebagai karya yang terunggul. Maka, sepertimana yang dikatakan perkembangan cerita perlu menepati citarasa pembaca supaya pembaca tidak berasa bosan.

Cerpen adalah akronim yang merupakan singkatan dua patah perkataan yang dibentuk daripada kata cerita dan pendek menurut Jais Sahok (1999). ‘Cer’ diambil daripada perkataan ‘cerita’ dan diikuti dengan ‘pen’ daripada perkataan ‘pendek’. Beliau juga menyatakan bahawa aspek yang hendak dikaji ialah kriteria, keperluan, acuan, teknik atau kaedah penghasilan sesuatu karya. Unsur yang setara dengannya dikenali sebagai ‘*sirukathai*’ dalam bahasa Tamil.

Mengikut Murasu Nedumaran (1997), kesusasteraan Tamil telah mengalami perubahan yang drastik dalam penyebaran dan bentuknya semenjak abad ke-19 lagi. Penggunaan mesin pencetak dan kekayaan bahasa Inggeris telah membawa suatu perubahan yang besar terhadap penulisan kesusasteraan berbahasa Tamil. Cerita-cerita yang disampaikan secara lisan mula dicetak dan dihasilkan dalam bentuk buku.





Banyak cerpen Tamil berfokuskan kepada masalah wanita dikeluarkan di Malaysia mahupun di India seperti *Pugal Petra Ithikasa Pengal Aivar*, *Ippadiyaga Oru Snegithi* dan juga lain-lain lagi. Pelbagai isu berkaitan wanita telah diutarakan oleh para penulis demi mempersoalkan kedudukan wanita dari segi perspeksi mereka yang tersendiri. Cerpen-cerpen sebegini juga boleh dikatakan telah memberikan satu pendedahan dan penekanan terhadap masalah yang dihadapi oleh wanita. Secara amnya, masalah wanita boleh dikatakan berpunca daripada adanya sistem patriarki yang membezakan mereka (wanita) dengan lelaki.

Sistem patriarki merupakan sebuah sistem yang menempatkan golongan lelaki pada posisi tengah atau yang terpenting, sementara yang lainnya seperti isteri dan anak diposisikan mengikut kepentingan golongan lelaki tersebut yang dikategorikan sebagai 'the patriarch' Nina Nurmila (2015). Mengikut beliau lagi, dalam sistem patriarki, perempuan diposisikan sebagai isteri yang bertugas mendampingi, melengkapi, menghibur dan melayani suami (the patriarch), sementara anak diposisikan sebagai generasi penerus dan penghibur ayahnya. Sehubungan perkara ini, sistem masyarakat patriarki jelas sekali menjadi bukti utama situasi sebegini di mana yakni golongan wanita yang berada di bawah telah dipinggirkan dalam pelbagai aspek kehidupan seharian mereka.

Menurut Engels dalam Budiman (1981) seperti dalam Perempuan Dalam Kuasa Patriarki (2010), kelahiran sistem patriarki telah membuatkan perempuan tergeser ke pekerjaan-pekerjaan domestik dan bekerja mengikut kesesuaian golongan lelaki. Hal ini





menjadi akar dominasi golongan lelaki terhadap perempuan. Maka, golongan wanita ini ditindas dan juga dipinggirkan oleh golongan lelaki. Hal ini jelas ditunjukkan dalam kumpulan cerpen ‘*Am’māvukku*’ karya Saras. Perwatakan wanita dalam setiap cerpen ini menonjolkan bagaimana seseorang wanita dipinggirkan oleh golongan lelaki secara langsung dan juga tidak langsung. Saras telah menggambarkan wanita sebagai golongan yang telah lama hilang akan hak mereka kepada golongan lelaki. Hak yang dimaksudkan ialah hak menyuara dan hak memberi pandangan dalam sesuatu situasi, memilih serta memperoleh sesuatu yang diidamkan oleh mereka dengan penuh kebebasan dan sebagainya.



Bagi tujuan kajian ini, istilah subaltern adalah untuk mengidentifikasikan golongan terpinggir dalam petriarki kekeluargaan iaitu wanita. Hal ini demikian kerana, manusia yang ditindas, dipinggirkan, dibisukan, dikuasai, dan didominasi dengan hegemoni dan kuasa undang-undang akan mencari ruang untuk meluahkan keresahan dan keinginan mereka demi mencapai kedudukan setara dengan pihak yang lebih berkuasa.

Kajian ini akan mengkaji citra wanita-wanita subaltern yang telah digambarkan dalam kumpulan cerpen ‘*Am’māvukku*’. Sebenarnya, wanita subaltern ini telah disuarakan oleh Gayatri Chakravorty Spivak (1988) dalam artikelnya bertajuk “*Can the Subaltern Speak*”. Maka, perwatakan wanita-wanita yang dipinggirkan iaitu wanita subaltern lebih sesuai dan tepat untuk dikaji mengikut kajian subaltern kerana tinjauan ini akan





menghasilkan satu dapatan yang menarik serta menggambarkan penderitaan dan cabaran yang dihadapi oleh wanita subaltern.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Seiring dengan perkembangan zaman pemodenan dan globalisasi teknologi maklumat serta keberhasilan gerakan pembebasan wanita dan feminisme, sikap dan peranan wanita mula mengalami perubahan yang drastik. Wanita tidak lagi hanya berperanan sebagai seorang ibu yang menjalankan tugas untuk melahirkan dan menguruskan anak serta menjaga suaminya sahaja. Wanita telah diberi peluang yang sama dengan golongan lelaki untuk memasuki persekolahan dan institusi pengajian tinggi. Dengan berbekalkan pendidikan dan pengetahuan yang diperolehi, wanita pada zaman kini dikatakan lebih berkeyakinan dan mempunyai potensi diri dalam banyak bidang mahupun dari segi ekonomi, politik dan sosial. Maka, wanita sudah mula menunjukkan kebolehan dengan memikul tanggungjawab yang pelbagai dalam kehidupan sehariannya.

Seterusnya, Menurut Siti Nur Husna, Mohd Izhar Ariff & Muhammad Adnan (2017), wanita merupakan golongan yang memainkan peranan yang penting di dalam sebuah struktur masyarakat. Peranan tersebut merujuk kepada melangkaui peringkat negara mahupun di peringkat unit terkecil di dalam sesebuah masyarakat iaitu institusi keluarga. Maka, wanita memainkan peranan yang penting dalam mengerakkan sesebuah institusi kekeluargaan ke arah yang lebih maju dan tinggi.





Walaupun bagaimanapun, wanita mempunyai cabaran tersendiri dalam kehidupan mereka, lebih-lebih lagi wanita yang berkerjaya. Hal ini demikian kerana, mereka perlu berkerja serta melaksanakan tugasnya sebagai seorang isteri dan ibu pada masa yang sama. Terikat dengan pelbagai peraturan dan budaya yang perlu dipatuhi, membuatkan mereka sukar untuk memenuhi kesemua peranan mereka dengan baik, menurut Nursyamimi Saidi (2014). Tekanan seorang wanita berganda apabila persekitaran serta orang sekeliling, iaitu suami dan ahli keluarga tidak memberi sokongan padu kepada mereka.

Sehubungan itu, dalam perbicaraan tentang golongan wanita dalam dunia kesusasteraan menjurus kepada persepsi wanita sebagai bahan penceritaan, sama ada dalam hasil karya pengarang lelaki ataupun wanita, perwatakan yang digambarkan kepada wanita dalam karya sastera oleh pengarang lelaki dan wanita adalah berbeza. Menurut Nazir Harith (2017), dalam *Perempuan Dalam Imej dan Kat*;

Ada kekurangan dalam penulisan lelaki berkenaan wanita. Jeritan batin seorang wanita tidak nyaring; kompleksiti jiwa mereka yang tak dapat dicoretkan. Di sini ada jurang antara gambaran wanita melalui jantina penulis. Selalu terpapar ialah stereotaip seorang lelaki terhadap wanita – tugasnya dan emosinya.

Kajian ini dilakukan untuk meneliti aspek pemikiran wanita yang ditonjolkan oleh Saras dalam penulisananya. Kajian ini berfokuskan watak-watak wanita dalam kumpulan cerpen '*Am 'māvukku*' yang dikaryakan oleh cerpenis Saras (2015). Kehadiran Saras dalam dunia kesusasteraan Tamil, amat penting untuk dikaji pemikirannya terhadap kehidupan wanita dalam patriarki kekeluargaan. Pandangan beliau terhadap kedudukan seseorang





wanita dalam patriarki kekeluargaan yang masih menerima pelbagai dugaan dan derita dalam kehidupan disebabkan oleh golongan lelaki juga akan dikaji secara terperinci.

Wanita dalam cerpen-cerpen Saras memainkan peranan yang penting dalam mengerakkan jalan cerita. Watak wanita yang digambarkan memainkan peranan yang jelas dalam menyampaikan tema cerpenis ini dengan lebih efisien melalui perwatakannya. Secara kebiasaannya, watak wanita yang digambarkan oleh cerpenis mahupun novelis perwatakan yang tidak mendapat tahap pendidikan yang minimum atau pun hak asasi wanita yang minimum. Saras pula telah menggambarkan kebanyakan watak wanita dalam cerpennya adalah berpendidikan dan bersesuaian dengan kehidupan zaman moden ini. Namun, melalui kumpulan cerpennya, Saras menggambarkan bahawa dalam dunia yang kian maju ini kebanyakan wanita mahupun yang berpendidikan atau tidak berpendidikan masih mengalami nasib yang sama disebabkan oleh kaum lelaki yang kurang prihatin dengan wanita. Kajian ini akan mengkaji akan pendapat Saras dimana adakah nasib wanita sepertimana yang digambarkan oleh Saras adalah benar atau tidak.

Secara umumnya, kedudukan wanita dalam masyarakat merupakan satu persoalan yang sering diperkatakan. Mereka masih berdepan dengan pelbagai halangan dan kekangan menurut Norhayati Ab. Rahman (2006). Isu ini dipandang serius oleh Saras. Oleh itu, beliau cuba memaparkan hal-hal sedemikian dalam penulisannya. Saras, telah menyedari tentang kepentingan untuk menggambarkan situasi wanita subaltern yang kian berlaku dalam kehidupan seharian dalam kalangan masyarakat India di Malaysia secara langsung





dan tidak langsung. Penulis telah membuat keputusan untuk mengambarkannya melalui kumpulan cerpenya '*Am'māvukku*' di dunia sastera. Saras merupakan seorang cerpenis yang jelas bersimpati dan prihatin terhadap nasib kaum wanita. Hal ini turut dibuktikan dengan penulisan beliau yang memberikan fokus terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita secara fizikal mahupun emosional. Oleh hal yang demikian, Saras telah mengambil watak-watak utama untuk menggerakkan cerita dalam cerpen-cerpen nukilannya. Kajian ini akan memberikan gambaran terhadap perbezaan persepsi seorang penulis mengenai wanita dan bagaimana seseorang wanita itu berjaya menangani masalah yang dihadapi.



Seterusnya, sebagai seorang wanita yang berpandangan terperinci serta boleh dikatakan mengalami sendiri pengalaman hidup sebagai seorang wanita, Saras memberikan pendapat dan gambaran mengenai wanita daripada persepsi beliau sendiri. Maka, persepsi Saras terhadap golongan wanita berbeza berbanding penulis lelaki yang mengkarya perwatakan wanita berdasarkan perspektif tersendiri terhadap wanita daripada sudut apa yang dilihat dan bukannya merasai sendiri kepahitan hidup.

Mengambil berat hal ini, pengkaji menjalankan kajian ini untuk menilai cara pemikiran dan pandangan penulis serta kedudukan wanita sepertimana yang dilakar dalam kumpulan cerpen '*Am'māvukku*'. Kajian khusus tentang teori subaltern dalam cerpen Tamil Malaysia amat kurang dikaji setakat ini di Malaysia. Secara konklusi, kajian ini cuba meneliti pemikiran citra wanita dalam cerpen seorang penulis wanita Tamil dari Malaysia.





## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan objektif-objektif berikut:

- 1.4.1 Mengenal pasti kedudukan watak wanita dalam sistem patriarki seperti yang digambarkan oleh Saras dalam cerpenya.
- 1.4.2 Menganalisis strategi wanita subaltern ini bereaksi terhadap kekuasaan lelaki.
- 1.4.3 Meneliti kejayaan watak wanita Subaltern dalam menghancurkan kuasa patriarki.

## 1.5 Soalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:



- 1.5.1 Apakah kedudukan wanita-wanita subaltern yang terdapat dalam cerpen-cerpen Saras?
- 1.5.2 Apakah strategi wanita subaltern Saras memberi reaksi kepada kekuasaan lelaki?
- 1.5.3 Sejauh manakah kejayaan watak wanita Subaltern dalam menghancurkan kuasa patriarki?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Menurut Neelamalar (2001), kajian merupakan mengkaji sesuatu topik dari satu perspektif; mengenal pasti data yang nyata; memindahkan hasil maklumat itu dalam bentuk tulisan; menyediakan ia sebagai satu hasil yang berguna kepada masyarakat sezaman dan





masyarakat yang akan datang. Sehubungan itu, hasil kajian pengkaji bertajuk ‘Kajian Watak-watak Wanita Dalam Kumpulan Cerpen *‘Am’ māvukku*’ Berdasarkan Teori Subaltern’ diharap akan membantu mereka yang membuat kajian terhadap Teori Subaltern.

Seterusnya, kajian ini juga mempunyai kepentinganya tersendiri. Dalam kajian ini, teori subaltern yang diutarakan oleh Gayatri Spivak (1988) akan digunakan untuk mengkaji wanita subaltern masyarakat India dalam kumpulan cerpen *‘Am’ māvukku*. Kajian subaltern ini akan memberikan impak dan kesedaran kepada pengkaji dan pembaca. Kajian ini juga penting bagi mendapatkan gambaran dan pandangan tentang penggunaan teori subaltern serta pendekatan yang sesuai.



Kajian ini juga penting untuk memberi kesedaran tentang perbezaan antara feminisme dan teori subaltern. Menurut June Hannam (2007), Feminisme adalah sebuah fahaman yang muncul ketika wanita menuntut untuk mendapatkan kesetaraan hak yang sama dengan lelaki. Perkataan feminism ini berasal daripada bahasa Latin. Feminisme adalah merujuk kepada hak wanita. Istilah ini pertama kali digunakan di dalam debat politik di Perancis di akhir abad ke-19. June Hannam (2007), juga telah menyatakan bahawa feminisme dilihat dari tiga sudut iaitu;

1. Pengakuan tentang ketidakseimbangan kekuatan antara dua jenis jantina, dengan peranan wanita berada dibawah lelaki.
2. Berkeyakinan bahawa kondisi wanita terbentuk secara sosial dan dapat diubah.
3. Penekanan pada otonomi wanita.





Teori subaltern berbeza daripada sudut-sudut pandangan teori Feminisme. Subaltern memberi fokus kepada golongan yang terpinggir dan tertindas dengan kuasa yang lebih besar. Hal ini merupakan perkara sama yang diutarakan oleh Gayatri Spivak (1988). Maka dengan kajian ini, pengkaji memberi penekanan kepada wanita-wanita yang tertindas dalam kehidupan seharian mereka secara langsung atau tidak langsung oleh golongan lelaki. Wanita-wanita ini selalunya menghadapi masalah sedemikian dalam institusi kekeluargaan.

Kajian mengenai wanita-wanita subaltern ini amat penting bagi mengkaji dan melihat kedudukan wanita dalam sosial masyarakat. Malah, kajian ini juga menekankan wanita-wanita yang terpinggir dalam sistem patriarki. Golongan wanita ini sebenarnya dipinggirkan oleh golongan lelaki yang dianggap lebih berkuasa secara semula jadi di alam kehidupan manusia. Hal ini demikian kerana, golongan wanita dianggap dan dijadikan sebagai golongan subaltern secara langsung atau pun tidak langsung sejak dahulu lagi. Maka, hal ini telah menjadi salah satu kebiasaan dalam norma kehidupan masyarakat sejak zaman dahulu.

Melalui kajian ini juga, kita dapat mengetahui corak pemikiran seorang penulis wanita terhadap wanita pada mata masyarakat. Pandanganya terhadap kehidupan serta cabaran yang dihadapi oleh seseorang wanita dalam meneruskan kehidupannya dan bagaimana mereka berjaya menghancurkan kuasa patriarki. Hal ini akan memberi didikan dan bimbingan kepada kaum wanita dalam menangani masalah kehidupan mereka dengan





lebih strategik.

Tambahan pula, kajian subaltern ini amat kurang dilakukan terhadap dunia kesusasteraan Tamil Malaysia. Oleh itu, kajian ini akan menjadi satu sumber utama yang akan menonjolkan kesengsaraan seorang wanita dalam sepanjang riwayat hidupnya dalam kekuasaan golongan lelaki. Tanpa kesedaran lelaki, wanita terpaksa melalui derita dan dugaan yang tidak boleh diimaginasikan dalam kehidupan seharian mereka dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai seorang ibu, isteri dan anak. Selain itu, kajian ini juga akan lebih menerangkan kumpulan cerpen '*Am'māvukku*' karya Saras dengan lebih teliti dan tepat. Hal ini akan menerangkan bagaimana Saras mengendalikan watak-watak utama dalam cerpenya secara terperinci dalam membawa kesedaran subaltern



dalam diri pembaca.

Selain itu, kajian ini juga dapat membandingkan corak hidup wanita sebelum dan selepas berjaya menghancurkan kuasa patriarki dimana kaum wanita dikategorikan pada tempat kedua dalam patriarki keluarga. Oleh yang demikian, dipercayai bahawa kajian ini bukan sahaja menjadi rujukan kepada para siswazah dan pengkaji yang ingin mengkaji tentang teori subaltern, tetapi juga menjadi satu pendorong kepada kaum wanita yang ingin berjaya dalam kehidupannya dengan menghancurkan kuasa patriarki.





## 1.7 Batasan Kajian

Cerpenis Saras telah menerbitkan kumpulan cerpen Tamil pertamanya bertajuk ‘*Am ’māvukku*’. Walaupun ini merupakan kumpulan cerpen pertama tetapi pengarang ini merupakan seorang penulis yang berpengalaman dalam bidang kesusasteraan Tamil Malaysia. Beliau telah banyak menulis cerpen untuk akhbar dan majalah sepanjang kerjayannya sebagai seorang guru. Kumpulan cerpen ‘*Am ’māvukku*’ mengandungi sepuluh buah cerpen di dalamnya. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada kumpulan cerpen ‘*Am ’māvukku*’ ditulis oleh Saras dengan kesemua sepuluh cerpen telah dipilih. Hal ini demikian kerana pengkaji mendapati jumlah cerpen ini memadai untuk membuat kajian ini. Pengkaji juga harus memberi fokus terperinci pada setiap cerpen yang dipilih untuk mendapatkan sumber dan data mengenai watak-watak wanita subaltern yang terdapat dalam cerpen-cerpen ini.

Kumpulan cerpen yang dipilih ialah seperti berikut:

1.7.1 *Kālam kaṭanta piṇ*

1.7.2 *Mīṇṭu vanta cuvāṭukaḷ*

1.7.3 *Acaivukaḷ*

1.7.4 *Am ’māvukku*

1.7.5 *Cutantiram kēṭṭēṇ... Iyantiram āṇēṇ...*

1.7.6 *Maṇakku(mura)ral*

1.7.7 *Veḷiccam*





### 1.7.8 *Paṇippen*

### 1.7.9 *Camamā? Caricamamā?*

Pengkaji telah membaca, mengkaji, menganalisis dan mengenal pasti watak-watak wanita subaltern dalam cerpen-cerpen yang terpilih. Kesemua cerpen dalam ‘*Am’ māvukku*’ mempunyai watak-watak yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

Selain itu, kumpulan cerpen ‘*Am’ māvukku*’ karya Saras dipilih kerana cerpen-cerpen ini ditulis berasaskan wanita sebagai watak utama namun kesemua perwatakan utama mempunyai sesuatu masalah yang berkaitan dengan golongan lelaki. Secara terperinci, kesemua watak-watak utama ini ditindas atau dipinggirkan oleh golongan lelaki dari konteks seorang bapa atau suami.

Dari aspek yang lain, boleh dikatakan kumpulan cerpen ‘*Am’ māvukku*’ karya Saras dipilih kerana Saras merupakan seorang cerpenis wanita. Maka, pengkaji ingin mengkaji akan pandangan beliau terhadap golongan wanita dalam institusi kekeluargaan dan masyarakat. Hal ini kerana, walaupun banyak cerpenis Tamil atau novelis Tamil di Malaysia mengutarakan masalah wanita melalui karya mereka, kebanyakan cerpenis merupakan golongan karyawan lelaki. Maka, pandangan dan fokus yang diberikan oleh mereka berbeza dengan seorang pengarang wanita yang mengutarakan isu-isu wanita melalui perpesktif golongan sendiri.





Seterusnya, bahasa merupakan jambatan perhubungan yang amat penting antara pengarang dengan pembaca. Bahasa yang digunakan oleh cerpenis Saras amat mudah difahami dan dihayati. Bahasa yang digunakan oleh beliau juga menggambarkan sesuatu situasi dengan lebih jelas dan realistik. Beliau juga telah menggunakan teknik bahasa kiasan untuk menerangkan sesuatu situasi dalam cerpenya supaya dapat menarik perhatian pembaca di samping membolehkan mereka memahami keadaan sebenar.

## 1.8 Definisi Operasional

Pengkaji akan menyentuh dan menerangkan konsep dan definisi-definisi yang penting dalam kajian ini. Pengkaji juga akan menerangkan istilah-istilah yang penting berkaitan dengan tajuk kajian supaya ia menjadi lebih jelas untuk memahami kajian ini.



### 1.8.1 Teori Subaltern

Subaltern merupakan istilah yang dipopularkan oleh Marxist Antonio Gramsci (1881-1937) seorang tokoh yang terkenal dengan Teori Hegemoni. Beliau dalam Landry dan MacLean (1996) merujuk subaltern sebagai of “*inferior rank*”, iaitu subaltern merupakan sebuah kelompok masyarakat kelas bawahan atau terpinggir. Golongan ini tidak berkuasa dan dikuasai oleh kelas elit yang lebih berkuasa. Bagi Gramsci pula, subaltern ialah:

*...the term “subaltern” designates nonelite or subordinated social groups.*

(Landry dan MacLean, 1996)





Kelompok subaltern dihubungkan dengan hegemoni. Hegemoni merujuk kepada kekuasaan atau ketuanan sesuatu kelompok atau pihak ke atas kelompok tertindas atau subaltern. Gramsci (1971), memberikan pandangan bahawa dalam konseptual hegemoni, ia diterjemahkan sebagai dominasi pengaruh kelompok manusia ke atas kelompok lain untuk menerima nilai-nilai moral, budaya, politik, ideologi dan sebagainya. Secara lebih mendalam lagi, hegemoni ialah penguasaan mutlak sesebuah kelompok terhadap kelompok lain, dengan atau tanpa paksaan sama ada dalam bentuk fizikal mahupun dalam bentuk emosional.

Gayatri Chakravorty Spivak merupakan seorang wanita keturunan India yang mengajar di Universiti Pittsburg, Amerika Syarikat. Beliau telah menghasilkan sebuah esei yang bertajuk, “*Can The Subaltern Speak? Speculation on Window-Sacrifice*” pada tahun 1985. Gayatri menyatakan bahawa

*The Subaltern cannot speak. There is no virtue in global laundry lists with woman as a pious. Representation has not withered away. The female intellectual has a circumscribe task which she must not disown with a flourish.*

(Gayatri Spivak, 1995)

Gayatri telah menyentuh aspek kekuasaan dan keinginan golongan subaltern. Beliau juga telah menyatakan bahawa, golongan subaltern merupakan kelompok masyarakat yang sentiasa dimanipulasikan oleh pihak kelas atasan





yang berkuasa. Oleh hal demikian, golongan subaltern ini tidak mempunyai hak mereka untuk bersuara.

Sohaimi Abdul Aziz (2010), menerangkan bagaimana fokus mula diberikan terhadap wanita subaltern. Beliau menyatakan wanita Dunia Ketiga mendapat perhatian besar daripada golongan feminis di Barat. Hal ini disebabkan, wanita Dunia Ketiga kebanyakannya berada di negara-negara yang pernah dijajah oleh Barat. Wanita Dunia Ketiga dianggap bukan sahaja tertinggal dalam pembangunan sosioekonomi dan politik tetapi juga tertindas oleh penguasaan lelaki.

### 1.8.2 Cerpen



Cerpen merupakan salah satu genre sastera. Ia juga merupakan genre yang terkenal dalam kesusasteraan moden sejak abad ke-18 Murasu Nedumaran (1997). Dalam dunia kesusasteraan Tamil, cerpen mula menjejak kaki pada abad ke-20 berasaskan tatabahasa. Sepertimana novel, cerpen juga mencerminkan kehidupan sesebuah masyarakat dengan mengambil kira latar belakang masyarakat tersebut.

Menurut Mana Sikana (1997), cerpen merupakan satu bentuk seni dan perasaan yang mendalam serta mempunyai satu keistimewaan yang tinggi daripada bahan-bahan sastera yang lain. Beliau juga berpendapat bahawa, sesuatu cerpen yang baik harus mempunyai unsur sastera. Menurut beliau, terdapat dua jenis penyelidikan cerpen iaitu,





menyelidik cerpen-cerpen tertentu yang telah ditulis oleh seseorang cerpenis dalam jangka masa tertentu dan cerpen-cerpen yang ditulis oleh beberapa penulis dalam majalah dan sebagainya.

Menurut A.Wahab Ali (2009), cerpen boleh didefinisikan sebagai cerita yang pendek, sederhana pendek, sederhana dan kurang kompleks strukturnya serta panjangnya tidak mencakupi 100 halaman. Untuk lebih halus lagi pembahagiannya, cerpen yang panjang, tetapi kurang daripada 100 halaman dipanggil *novelet*.



05- tradisional yang sudah menjadi tradisi dalam masyarakat Tamil mengikut Akilan (2002).

Hal ini dibuktikan oleh beliau dengan merujuk teknik cerita pendek dalam Cheyyul zaman Sanggam sastra Tamil. Bukti seterusnya ialah karya sastra Kalitthogai mengandungi unsur-unsur cerita pendek dalam memerihalkan kehidupan masyarakat India kepada dua kategori, iaitu *Putam* (fizikal) yang menggambarkan kehidupan luaran dan *Akam* (mental) yang menggambarkan pemikiran dalaman. Maka mengikut beliau, tradisi ini yang kemudian harinya mendorong untuk kelahiran cerpen dalam dunia kesusasteraan Tamil.





## 1.9 Rumusan

Bab ini secara keseluruhannya membincangkan pengenalan kepada tajuk kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian yang merangkumi kajian subaltern dalam kumpulan cerpen ‘Am’māvukku’ karya Saras. Huraian yang diberikan oleh pengkaji akan membantu dalam melaksanakan kajian ini secara sistematik. Huraian secara terperinci ini juga akan memastikan hala tuju pengkaji dalam mencapai kesemua objektif kajian pada akhir kajian nanti.

